



PENERBITAN BERMUTU MASYARAKAT BERILMU

Majlis Wacana Ilmu: Intelektual dan Peradaban

Oleh Suzanti Abd. Aziz dan Rokiah Nordin

MAJLIS Wacana Ilmu yang berlangsung pada 25 April 2006 bertempat di Dewan Bankuet, Menara DBP baru-baru ini telah mengetengahkan seorang tokoh terkenal iaitu Penandang Kursi Tun Abdul Razak, Y. Bhg. Prof. Dato' Mohamad Abu Bakar yang kini dilantik sebagai profesor pelawat di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Ohio, Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan bekas Ketua Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik di Universiti Malaya.

Dalam ceramahnya yang bertajuk Intelektual dan Peradaban, beliau menegaskan kadang-kadang kita perlu menoleh ke belakang untuk melihat dan menghalusi bagaimana sejarah manusia mencapai ketamadunan meskipun di bawah kuasa penjajah. Ketinggian tamadun Islam dan kemajuan pemikiran



Prof. Dato' Mohamad Abu Bakar

tokoh-tokoh tamadun Barat perlu dicontohi dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Intelektual dan peradaban sudah lama wujud sejak dari zaman Rom, Mesir dan Babylon lagi. Tokoh yang lahir pada zaman tersebut mempunyai upaya dan kemampuan berfikir untuk mencipta wawasan ataupun peradaban kerana tanpa wawasan pemimpin negara tersebut tidak mampu untuk melihat suatu perkembangan jangka panjang yang membolehkan lahirnya peradaban di persekitaran negara-negara tersebut.

Selain itu, beliau menegaskan meskipun negara kita kecil tetapi kita mesti mencipta pengaruh yang kuat dan besar yang mempunyai kebebasan berfikir bagi mengeluarkan buah fikiran ke arah membentuk persekitaran yang mengikut acuan sendiri memandangkan asas atau struktur negara kita sudah kukuh. Beliau juga yakin agenda untuk mewujudkan satu peradaban

bangsa dan negara yang benar-benar utuh dan jitu, bukanlah sesuatu yang mustahil untuk kita capai. Justeru, negara kita perlu menyediakan ruang dan tempat yang membolehkan para intelek (tidak semestinya pengarang atau novelis) termasuk pegawai kerajaan dan masyarakat bertemu sehingga lewat malam untuk berbicara tentang pelbagai aspek untuk memantapkan idea kenegaraan dan seumpamanya.

Menurut beliau lagi, perlunya media cetak seperti majalah atau jurnal memupuk aliran-aliran tersendiri bagi memperkemas kedudukan dan memantapkan pemikiran kita di peringkat antarabangsa. Beliau menyarankan agar majalah *Dewan Masyarakat*, *Dewan Budaya*, *Dewan Sastera* dan majalah lain menjadi wadah yang mampu menyalurkan idea-idea yang bernas kepada masyarakat lebih-lebih lagi dalam konteks pembentukan negara bangsa masa kini.

Penerbitan Buku Perlu Dipergiat

Oleh Normala Mohamad Yusof dan Niarwati Jepon

"KITA sering membandingkan negara kita dengan negara China, Jepun, Korea, Jerman dan Perancis dari segi keupayaan mereka bertahan dengan bahasa kebangsaan mereka. Oleh itu, kita juga perlu mencontohi apa yang telah mereka laksanakan untuk mempertahankan, memperkembang dan memperkukuh bahasa kebangsaan mereka melalui penerbitan, penghasilan istilah dan penterjemahan serta harus juga membandingkannya dengan apa yang telah kita usahakan sepanjang tempoh 10 hingga 15 tahun kebelakangan ini." Demikianlah yang ditegaskan oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Y.B. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein ketika berucap dalam Majlis Pelancaran *Ensiklopedia Sains dan Teknologi (EST)* yang berlangsung pada 14 April 2006 bertempat di Dewan Bankuet, Menara DBP.

Menurut beliau lagi, "Dalam aspek penerbitan, khususnya kita harus mencontohi negara Korea Selatan yang berjaya menerbitkan sebanyak 40,000 judul buku setiap tahun, iaitu 0.1 peratus dari sejumlah 40 juta penduduknya. 70 peratus daripadanya merupakan buku bacaan umum. Jika kita mahu membandingkannya dengan negara kita, maka sasaran jumlah buku yang perlu diterbitkan oleh Malaysia setiap tahun mestilah tidak kurang daripada 25,000 judul dan 17,500 daripadanya mestilah terdiri daripada buku bacaan umum.



Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein mengamati kandungan *Ensiklopedia Sains dan Teknologi*.

Beliau mengharapkan melalui Jawatankuasa Induk Penggerak Dasar Buku Negara ini kita dapat menetapkan sasaran tentang jumlah buku umum yang boleh kita terbitkan, jumlah judul buku yang hendak diterjemahkan dan jumlah judul karya penulis Malaysia yang hendak dipromosikan di pesta-pesta buku di luar negara.

Ensiklopedia Sains dan Teknologi merupakan projek kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Universiti Teknologi

Malaysia (UTM) yang mula diusahakan pada tahun 1993 dan siap sepenuhnya pada tahun 2005. Ensiklopedia yang terdiri daripada 12 jilid (termasuk Jilid Indeks) ini mengandungi 3519 entri daripada pelbagai bidang sains dan teknologi dengan bilangan penyumbang dan penulis seramai 1012 orang. Sesungguhnya diharapkan penerbitan *EST* ini mampu menjadi alat pembangunan fikiran, sosial dan kebudayaan bangsa Malaysia.

EST ini boleh dibeli di mana-ma-

na Galeri Ilmu DBP pada harga RM2,622.00 satu set (termasuk Jilid Pengenalan). *EST* ini juga boleh dibeli secara eceran pada harga RM10.00 (Jilid Pengenalan); RM193 (Jilid 1); RM168.00 (Jilid 2); RM136.00 (Jilid 3); RM276.00 (Jilid 4); RM250.00 (Jilid 5); RM260.00 (Jilid 6); RM270.00 (Jilid 7); RM264.00 (Jilid 8); RM290.00 (Jilid 9); RM250.00 (Jilid 10); RM255.00 (Jilid 11); dan Jilid 12 (Indeks) diberi percuma bagi pembelian satu set sahaja.

KUIZ KLIK DBP SIRI 24

PEMENANG akan menerima hadiah wang tunai RM50.00 daripada DBP dan langganan setahun majalah *Dewan Budaya* sumbangan Dawama Sdn. Bhd.

Soalan:

1. Siapakah Pengerusi Lembaga Pengelola DBP yang ke-8?

2. Namakan rancangan yang mendapat bantahan pada tahun 1953 kerana menginggeriskan sekolah Melayu di Singapura.

3. Berikan nama dua orang ahli Parlimen bukan Melayu yang menunjukkan contoh penggunaan bahasa yang baik di Parlimen.

4. Apakah yang disarankan oleh Menteri Pelajaran dalam Majlis Pelancaran *Ensiklopedia Sains dan Teknologi*.

5. Berikan cadangan anda untuk menggantikan nama *Bayu Lounge* dan *Captain's Cabin*?

Syarat Penyertaan:

Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Klik DBP* dan ahli keluarganya. Tarikh tutup penyertaan **5 Jun 2006**. Keputusan muktamad. Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, dan alamat anda kepada:

Timbalan Ketua Editor Klik DBP, Kuiz Klik DBP Siri 24, Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Tingkat 25, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur. Faksimile: 03-21422029 E-mel: normala@dbp.gov.my

PEMENANG KUIZ KLIK DBP SIRI 23

1. Nik Noor Faissuhada Mohammad, Kg. Sat Tengah, Tanah Merah, Kelantan. No. K.P.: 850604-03-5708

2. Norazira Baba, Gedong Lalang, Bukit Rambai, Melaka. No. K.P.: 910824-04-5168

3. Haji Zainol Hashim, Batu Uban, Gelugor, Pulau Pinang. No. K.P.: 470428-07-5545

4. Aidawati Mamat, Kuala Terengganu, Terengganu. No. K.P.: 800323-11-5140

5. Mohamad Nizam Othman, Jeniang, Gurun, Kedah. No. K.P.: 840926-13-5243

6. Shahreen Azman, Subang Jaya, Selangor. No. K.P.: 900409-14-5250

7. Mohd. Hatta Md Sodari, Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru. No. K.P.: 710625-01-5867

8. Wong Kah Peng, Taman Wah Keong, Ipoh, Perak. No. K.P.: 900125-08-6789

9. Mohd Azlan Alias, Jalan Bukit Keramat, Kuala Lumpur. No. K.P.: 850702-05-5315

10. Muhammad Azhar Hamid, Kg. Sembulan Lama, Kota Kinabalu, Sabah. No. K.P.: 870224-12-5435